

3756/1
Prinsip
Perakaunan
Kertas 1
Ogos 2025
1 1/4 jam



NAMA SEKOLAH

UJIAN DIAGNOSTIK
TINGKATAN 5

PRINSIP PERAKAUNAN
Kertas 1
Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang **tidak** diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak

- 1 Pernyataan berikut berkaitan dengan kod etika akauntan profesional.

Seorang akauntan tidak boleh mendedahkan sebarang maklumat yang diketahui kepada mana-mana pihak yang tidak berkepentingan

Apakah kod etika tersebut?

- A Integriti
 - B Objektiviti
 - C Kerahsiaan
 - D Sifat profesional
- 2 Berikut adalah petikan kitaran perakaunan.

Lejar → P → Pelarasan

Apakah P?

- A Dokumen perniagaan
 - B Penyata Kewangan
 - C Catatan penutupan
 - D Imbangan Duga
- 3 Manakah belanja operasi Kedai Elektrik Liana?
- A Untung jualan perabot
 - B Komisen diterima
 - C Diskaun diberi
 - D Jualan kasut

- 4 Urus niaga berikut telah berlaku dalam Perniagaan Perabot Amsyar.

Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti Pemilik (RM)
Berkurang 7 500	Berkurang 7 700	Bertambah 200

Apakah urus niaga yang berkaitan dengan kesan persamaan perakaunan?

- A** Jualan barang niaga berkos RM7 500 dan menerima cek RM7 700
- B** Encik Amsyar menerima cek daripada Hamdan RM7 500. Memberi diskaun tunai RM200
- C** Menerima pinjaman RM7 700 daripada bank. Membeli rak pameran RM7 500 dan membayar sewa RM200
- D** Encik Amsyar membayar kepada Pembekal Perabot Arif RM7 500 dengan cek. Menerima diskaun tunai RM200
- 5 Kedai Alat Tulis Amni membeli mesin pencetak secara kredit bernilai RM2 500. Apakah dokumen yang terlibat dalam urus niaga tersebut?

- A** Slip Transaksi Perbankan Elektronik
- B** Bil tunai
- C** Invois
- D** Resit

- 6 Dokumen berikut diterima oleh Kedai Hiasan Ling.

PENYATA AKAUN		ASAL		
SYARIKAT AINU SDN BHD		No.024		
101 Jalan Gangsa 75250 Melaka				
Kedai Hiasan Ling 03 Jalan Bayan 1 75200 Melaka		No. Akaun Pelanggan: 2471 Tarikh : 30 Jun 2025		
Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
12.06.2025	Invois No. 222	860		860
13.06.2025	Nota Debit No.106	40		900
16.06.2025	Nota Kredit No.211		110	710
Ringgit Malaysia : Tujuh ratus sepuluh sahaja				
<i>Ling Ling</i> Pengurus				

Dokumen 1

Pernyataan manakah menerangkan dokumen tersebut?

- A** memaklumkan peniaga tentang baki hutangnya yang masih tertunggak
 - B** menunjukkan ringkasan urus niaga yang dilakukan oleh peniaga setiap bulan
 - C** mengetahui jumlah yang sudah dibayar dan diterima oleh bank bagi pihak perniaga
 - D** menjadi bukti pembayaran oleh pelanggan terhadap perkhidmatan yang dikenakan caj
- 7 Antara berikut yang manakah Buku Catatan Pertama?
- I Lejar
 - II Jurnal Am
 - III Buku Tunai Runcit
 - IV Imbangan Duga

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

8 Petikan Buku Tunai Runcit berikut diperoleh daripada Kedai Papan Pippa.

Tarikh	Butiran	Penerimaan	Pembayaran	Analisis Bayaran	
				Alat tulis	Tambang
2025		RM	RM	RM	RM
Jun 1	Bank	200			
5	Kertas A4		110	110	
10	Petrol		90		90
11	Bank	200			
16	Parkir		37		37

Berapakah nilai Panjar runcit?

- A** RM163
- B** RM200
- C** RM237
- D** RM400

9 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Tary Enterprise.

Encik Tary telah membawa masuk pendingin hawa berharga RM2 000 untuk kegunaan perniagaan

Manakah akaun yag didebitkan?

- A** Lekapan
- B** Ambilan
- C** Perabot
- D** Modal

- 10 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Kedai Hajjah Halimah.

Kedai Kumar			
	2025		RM
	Jul 1	Baki b/b	1 500

Apakah urus niaga bagi menerangkan catatan di atas?

- A Kedai Hajjah Halimah berhutang RM1 500 daripada Kedai Kumar.
- B Kedai Kumar berhutang RM1 500 daripada Kedai Hajjah Halimah.
- C Kedai Hajjah Halimah membayar RM1 500 kepada Kedai Kumar.
- D Kedai Kumar membayar RM1 500 kepada Kedai Hajjah Halimah.

- 11 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Kasih.

Pembekal Amni Nafisa			
	RM		RM
Bank	200	Belian	2 400
Diskaun diterima	40		

Perniagaan Sri Melati			
	RM		RM
Pulangan belian	300	Belian	3 600

Catatan Akaun Belum Bayar yang manakah betul dalam Imbangan Duga?

- A Debit RM6 000
 - B Kredit RM6 000
 - C Debit RM5 460
 - D Kredit RM5 460
- 12 Apakah fungsi Imbangan Duga disediakan?
- A Menyemak ketepatan catatan bergu
 - B Mengesan kesilapan dalam penyata kewangan
 - C Memudahkan penyediaan buku catatan pertama
 - D Memudahkan jurnal dan lejar disediakan

13 Manakah butiran yang akan mengurangkan modal?

- A Ambilan
- B Untung Kasar
- C Untung Bersih
- D Modal tambahan

14 Petikan berikut diperoleh daripada Perniagaan Adi?

Imbangan Duga Pada 31 Disember 2024

	Debit	Kredit
	RM	RM
Pulangan	500	700

Catatan yang manakah betul dalam Akaun Perdagangan?

- A **Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024**
- | | | | |
|----------------|-----|-----------------|-----|
| | RM | | RM |
| Pulangan masuk | 700 | Pulangan keluar | 500 |
- B **Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2024**
- | | | | |
|-----------------|-----|----------------|-----|
| | RM | | RM |
| Pulangan keluar | 700 | Pulangan masuk | 500 |
- C **Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2024**
- | | | | |
|----------------|-----|-----------------|-----|
| | RM | | RM |
| Pulangan masuk | 500 | Pulangan keluar | 700 |
- D **Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2024**
- | | | | |
|-----------------|-----|----------------|-----|
| | RM | | RM |
| Pulangan keluar | 500 | Pulangan masuk | 700 |

- 15 Berikut adalah kedudukan baki pelarasan akaun nominal pada akhir tempoh perakaunan?

	Butiran	Kedudukan baki
I	Gaji prabayar	Debit
II	Insurans Belum Bayar	Kredit
III	Komisen Belum Terperoleh	Debit
IV	Sewa Belum Terima	Kredit

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 16 Berikut ialah petikan Imbangan Duga Perniagaan Maria pada 30 Jun 2025.

	Debit RM	Kredit RM
Alatan Pejabat	60 000	
Susut Nilai Berkumpul Alatan Pejabat		5 600

Alatan Pejabat disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
Nilai alatan pejabat termasuk yang baru dibeli pada 1 Mac 2025 bernilai RM12 000.

Berapakah susut nilai alatan pejabat pada 30 Jun 2025?

- A RM4 240
B RM4 540
C RM4 640
D RM5 440

- 17 Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaan Kedai Runcit Ten pada 31 Ogos 2025.

	RM
Kenderaan	65 000
Susut Nilai Berkumpul Kenderaan	5 500

Pada akhir tempoh perakaunan, kenderaan dijual dengan harga RM56 000.

Berapakah untung atau rugi pelupusan kenderaan tersebut?

- A Untung pelupusan RM3 500
 - B Untung pelupusan RM9 000
 - C Rugi pelupusan RM3 500
 - D Rugi pelupusan RM9 000
- 18 Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku Perniagaan Anis.

Angkutan masuk tersilap rekod dalam angkutan keluar

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan prinsip
 - B Kesilapan komisen
 - C Kesilapan songsang
 - D Kesilapan saling mengimbangi
- 19 Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku Perniagaan 77 Mart.

Jualan kredit RM1 000 didebitkan dalam Akaun Belum Terima dan dikreditkan dalam Akaun Tunai.
--

Manakah catatan Akaun Tunai yang betul selepas pembetulan kesilapan?

- A Debit Tunai RM1 000
- B Debit Tunai RM2 000
- C Kredit Tunai RM1 000
- D Kredit Tunai RM2 000

- 20 Untung Bersih perniagaan Kedai Cetak Ekspres pada 30 Jun 2025 ialah RM12 540. Kesilapan berikut telah dikesan dan belum direkod dalam mana-mana buku.

	RM
Hutang Lapuk Terpulih	780
Belanja promosi	230

Berapakah jumlah Untung Bersih selepas pelarasan?

- A RM13 090
 - B RM13 550
 - C RM11 990
 - D RM11 530
- 21 Maklumat berikut telah dikesan dalam buku Perniagaan Anis.

Puan Aminah ingin membuat pelaburan dalam perniagaan Rahmat Trading

Apakah nisbah yang sesuai bagi situasi tersebut?

- A Tokokan
 - B Nisbah semasa
 - C Pulangan atas modal
 - D Tempoh kutipan hutang
- 22 Maklumat berikut diambil daripada Akmal Enterprise.

	RM
Akaun Belum Terima	13 740
Komisen prabayar	850
Bank (overdraf)	4 300

Berapakah nisbah semasa?

- A 0.29 : 1
- B 0.31 : 1
- C 3.20 : 1
- D 3.39 : 1

- 23 Manakah nisbah kecekapan?
- A Tokokan
 - B Nisbah semasa
 - C Margin untung bersih
 - D Tempoh bayaran hutang
- 24 Apakah kesan rekod perakaunan yang tidak lengkap?
- A Untung atau rugi sukar ditentukan
 - B Penyata kewangan dapat disediakan
 - C Perbandingan prestasi perniagaan dapat dilakukan
 - D Kes penyelewengan sukar berlaku
- 25 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan MTF Enterprise.

	RM
Modal pada 1 Mei 2024	65 376
Modal pada 30 April 2025	78 413
Ambilan	7 480

Berapakah untung atau rugi perniagaan?

- A Untung RM5 557
- B Untung RM20 517
- C Rugi RM5 557
- D Rugi RM20 517

- 26 Puan Nawa seorang peniaga yang mengamalkan rekod tak lengkap.

Apakah maklumat yang boleh diperoleh daripada Akaun Kawalan Belum Terima perniagaan beliau?

- I Jualan tunai
- II Jualan kredit
- III Pulangan jualan
- IV Peruntukan hutang ragu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 27 Butiran yang manakah direkodkan sebagai pembayaran dalam Belanjawan Tunai?

- A Diskaun diberi
- B Hutang lapuk
- C Gaji pekerja
- D Susut nilai kenderaan

- 28 Maklumat berikut diperoleh daripada belanjawan tunai Perniagaan RAZ pada 1 Mei 2024.

	RM
Tunai	640
Hasil perkhidmatan	1 400
Gaji pekerja	300
Hutang lapuk terpulih	200

Berapakah lebihan bagi bulan Mei 2024?

- A RM1 300
- B RM1 540
- C RM1 740
- D RM1 940

- 29 Pada 31 Julai 2024, Perniagaan Nadear menerima penyata bank yang menunjukkan baki overdraf sebanyak RM1 740. Baki ini berbeza dengan baki buku tunainya pada tarikh yang sama. Selepas membuat perbandingan butir-butir yang diperoleh adalah seperti berikut:

	RM
Cek belum dikemukakan	460
Caj bank	40

- Berapakah baki buku tunai pada 31 Julai 2024?
- A Baki debit RM2 240
 - B Baki debit RM1 240
 - C Baki kredit RM1 320
 - D Baki kredit RM2 160
- 30 Butiran manakah yang dicatat di bahagian Ekuiti Pemilik Penyata Kedudukan Kewangan sebuah perkongsian?
- A Untung bersih
 - B Modal tambahan
 - C Ambilan pekongsi
 - D Akaun semasa pekongsi
- 31 Apakah faktor yang menyebabkan Akaun Semasa Latif berbaki debit?
- A Berkongsi keuntungan yang rendah
 - B Membuat ambilan yang banyak
 - C Gaji belum bayar Latif rendah
 - D Faedah atas pinjaman Latif tinggi

- 32 Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diambil daripada Perkongsian ELMI sewaktu pembubaran perkongsian.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2024

	RM
Liabiliti Semasa	
Akaun Belum Bayar	5 600

Maklumat tambahan:

Perkongsian ELMI telah menerima diskaun sebanyak RM400 setelah menjelaskan sepenuhnya hutang kepada Akaun Belum Bayar.

Manakah catatan yang betul?

A	Akaun Realisasi
	RM
	Akaun Belum Bayar 6 000
B	Akaun Realisasi
	RM
	Akaun Belum Bayar 5 600
C	Akaun Realisasi
	RM
	Akaun Belum Bayar 5 200
D	Akaun Realisasi
	RM
	Akaun Belum Bayar 400

- 33 Catatan lejar berikut diambil daripada Kelisa Berhad yang menunjukkan urus niaga yang berlaku sewaktu terbitan syer.

Akaun Permohonan Syer Biasa						
2025			RM	2025		RM
Mac 30	Modal Syer Biasa	1 000 000		April 15	Bank	1 500 000
April 20	Bank	500 000				
		1 500 000				1 500 000

Apakah situasi menyebabkan berlakunya catatan pada 20 April?

- A Merekod modal diterbitkan
 - B Merekod lebihan langganan
 - C Merekod kurangan langganan
 - D Merekod modal berbayar penuh
- 34 Manakah yang benar jika berlaku kurangan langganan sewaktu terbitan syer?
- A Harga terbitan sesyer diturunkan
 - B Ditanggung oleh agensi kewangan
 - C Melanjutkan tempoh permohonan
 - D Mengurangkan bilangan syer yang diterbitkan
- 35 Maklumat berikut diperoleh daripada bendahari Kelab Golf Royal.

	1 Januari 2024	31 Disember 2024
	RM	RM
Yuran belum terima.	110	-
Yuran belum terperoleh	-	70

Jumlah yuran yang telah diterima untuk tahun 2024 ialah sebanyak RM3 280.

Berapakah yuran bagi tahun berakhir 31 Disember 2024?

- A RM3 100
- B RM3 240
- C RM3 320
- D RM3 460

- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Kompang.

	1 September 2024	31 Ogos 2025
Yuran Belum Terima	RM 500	RM 380

Maklumat tambahan:

Jumlah yuran yang diterima sepanjang tempoh perakaunan ialah RM4 600 termasuk yuran bulan Ogos 2024 berjumlah RM100.

Berapakah yuran yang sepatutnya direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?

- A RM4 380
 - B RM4 480
 - C RM4 720
 - D RM4 880
- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Selasih yang menjalankan aktiviti berbentuk pertandingan dan perkhidmatan restoran untuk ahlinya.

Kelab Selasih

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024

	RM		RM
Utiliti	700	Yuran ahli	18 250
Gaji	3 400	X	2 350
Sewa	1 200		

Apakah X?

- A Lebihan
- B Honorarium
- C Untung restoran
- D Hadiah dan piala

38 Apakah kos prima bagi Kilang Kek Sarah?

- I Oven
- II Upah pekerja
- III Tepung gandum
- IV Elektrik dan air

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39 Kilang Kasut Johan, telah diarahkan oleh mahkamah untuk menghentikan sementara operasinya selama sebulan kerana kesalahan mencemarkan alam sekitar.

Apakah jenis kos yang perlu ditanggung oleh syarikat tersebut?

- A Kos tetap
- B Kos berubah
- C Kos pengeluaran
- D Kos bahan mentah

- 40 Maklumat berikut diperoleh daripada Rafiq Enterprise bagi tahun berakhir 30 Jun 2024.

	RM
Bahan langsung	350 000
Gaji operator pengeluaran	52 000
Hak cipta	4 500
Sewa kilang	24 000
Angkutan keluar	7 000

Berapakah jumlah kos prima?

- A RM402 000
- B RM406 500
- C RM430 500
- D RM437 500

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT